

KEBERKESANAN PROGRAM INDUSTRIAL SKILLS
ENHANCEMENT PROGRAMME (INSEP) DALAM MEMBANTU
PENINGKATAN KEMAHIRAN KESOLEHPKERJAAN PESERTA
PROGRAM DI PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN NEGERI

VIRAKWAN A/P HAI KELIAN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN UTHM



3000002103177



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL: KEBERKESANAN PROGRAM INDUSTRIAL SKILLS ENHANCEMENT
PROGRAMME (INSEP) DALAM MEMBANTU PENINGKATAN
KEMAHIRAN KEBOLEHPEKERJAAN PESERTA PROGRAM DI
PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN NEGERI

SESI PENGAJIAN: 2006/2007

Saya VIRAKWAN A/P HAI KELIAN (800730-02-5038)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (Sarjana Muda/Sarjana /Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (√)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:


(TANDATANGAN PENULIS)
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

NO. 1036, FELDA GUAR NAPAI
06000 JITRA,
KEDAH DARUL AMAN.

PROF. MADYA DR. NORAINI BT KAPRAWI
(Nama Penyelia)

Tarikh: **9 NOVEMBER 2006**

Tarikh: **9 NOVEMBER 2006**

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah doktor Falsafah dan Sarjana secara Penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional ”

Tandatangan :



Nama Penyelia : PROF. MADYA Dr. NORAINI BINTI KAPRAWI

Tarikh : 9 NOVEMBER 2006



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**KEBERKESANAN PROGRAM *INDUSTRIAL SKILLS ENHANCEMENT*
PROGRAMME (INSEP) DALAM MEMBANTU PENINGKATAN
KEMAHIRAN KEBOLEHPKERJAAN PESERTA PROGRAM
DI PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN NEGERI**

VIRAKWAN A/P HAI KELIAN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH


Fakulti Pendidikan Teknikal
Jabatan Ikhtisas Pendidikan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

NOVEMBER, 2006

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya ”



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Tandatangan : 

Nama Penulis : VIRAKWAN A/P HAI KELIAN

Tarikh : 9 NOVEMBER 2006

Teristimewa buat ibu dan bapa

...Terima kasih atas kasih dan sayang serta semangat yang telah diberikan...

Buat rakan-rakan seperjuangan

...Hargailah detik-detik kita bersama...

Kejayaan ini adalah milik kita bersama



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

PENGHARGAAN

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih khas buat penyelia projek sarjana Profesor Madya Dr. Noraini Binti Kaprawi kerana telah banyak meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan selama hampir setahun perjalanan projek ini. Tanpa segala teguran dan nasihat yang diberikan oleh beliau adalah mustahil kajian ini dapat dihasilkan dengan sempurna dan dengan jayanya.

Terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada pensyarah-pensyarah dan staf-staf di KUiTTHO kerana sudi memberikan bantuan dan kerjasama yang sewajarnya.

Penghargaan tertinggi saya tujukan buat kedua ibu bapa yang dihormati di atas segala pengorbanan yang telah kalian lakukan. Terima kasih kerana sentiasa memberi sokongan dan galakan. Untuk teman-teman seperjuangan, terima kasih kerana menghulurkan bantuan di saat-saat diperlukan.

Akhir sekali terima kasih kepada semua pihak yang secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam memberikan bantuan kepada saya sepanjang masa dalam proses menyiapkan projek sarjana ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Pengangguran di kalangan siswazah merupakan satu masalah global dan ia menjadi satu isu yang hangat diperdebatkan di Malaysia baru-baru ini. Salah satu langkah untuk mengatasi masalah ini ialah dengan melaksanakan program *Industrial Skills Enhancement Programme* (INSEP) di Malaysia. Tujuan kajian ini ialah untuk meninjau keberkesanan program INSEP dalam membantu peningkatan kemahiran kebolehpkerjaan peserta program. Program INSEP yang dikaji hanya dihadkan kepada program INSEP yang dilaksanakan di dua (2) buah Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri yang mewakili zon utara dan zon selatan. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang melibatkan kedua-dua data kuantitatif dan kualitatif. Responden yang dipilih secara rawak terdiri daripada 63 orang peserta yang telah tamat mengikuti program INSEP pada tahun 2005. Selain daripada temu bual, soal selidik juga digunakan sebagai instrumen utama dalam pengumpulan data. Data dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS version 12.0) untuk mendapatkan data deskriptif dan menjalankan pengujian statistik. Keputusan kajian menunjukkan persepsi peserta terhadap kualiti program daripada aspek reka bentuk program, prasarana dan pendekatan aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan berada pada tahap yang sederhana (skor min = 3.79). Hasil kajian ini juga menjelaskan bahawa pendekatan aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan dapat membantu meningkatkan kemahiran kebolehpkerjaan peserta selepas tamat mengikuti program INSEP (skor min = 3.89). Seterusnya, hasil ujian-*t* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap 0.05 terhadap peningkatan kemahiran kebolehpkerjaan peserta sebelum dan selepas mengikuti program INSEP. Secara umumnya, hasil kajian ini telah menunjukkan pelaksanaan program INSEP telah berjaya dalam membantu peningkatan kemahiran kebolehpkerjaan peserta setelah tamat mengikuti program tersebut.



PERPUSTAKAAN TINGKATAN AMINAH

ABSTRACT

Unemployment among graduates is a global problem and an attempt to address the issue has become more serious in Malaysia recently. One of the approaches that has been taken to solve the problem is the implementation of the Industrial Skills Enhancement Programme (INSEP) in Malaysia. The purpose of this study is to explore the effectiveness of the INSEP programme with respect to the enhancement of the employability skills among the participants of the program. This study only focuses on INSEP programme that was conducted by two (2) Skills Development Centre that represent north and west zone of Malaysia. This survey research involved quantitative and qualitative data. 63 respondents were selected randomly from a list of participants given by the institutions involved that have completed the INSEP program in the year of 2005. Apart from interview as the instrument, questionnaire was also used in this study but as the main instrument to acquire the data required. The data collected were then analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS version 12.0). The findings revealed that the perception of the participants towards the quality of the program in the aspects of program design, facilities and learning activity approaches are at the moderate level (mean score = 3.79). Apart from that, findings of this survey research also showed that the approaches of learning activities in the INSEP program has been able to enhance the employability skills among the participants (mean score = 3.89). The findings from *t*-test analysis with significant level 0.05 showed that, there is a significant difference in the enhancement of employability skills before and after the participants completed the program. Generally, the findings showed that the implementation of the INSEP program has been successful in terms of enhancing the employability skills among the participants after they completed the program.



PERPUSTAKAAN TINGKU TING AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
------------	----------------	-------------------

PENGESAHAN STATUS TESIS

PENGESAHAN PENYELIA

HALAMAN JUDUL

PENGAKUAN

ii

DEDIKASI

iii

PENGHARGAAN

iv

ABSTRAK

v

ABSTRACT

vi

KANDUNGAN

vii

SENARAI JADUAL

xii

SENARAI RAJAH

xiv

SENARAI SINGKATAN

xv

SENARAI LAMPIRAN

xvi

BAB I	PENDAHULUAN	
--------------	--------------------	--

1.1	Pengenalan	1
-----	------------	---

1.2	Latar Belakang Masalah	3
-----	------------------------	---

1.3	Pernyataan Masalah	7
-----	--------------------	---

1.4	Tujuan Kajian	8
-----	---------------	---

1.5	Persoalan Kajian	8
-----	------------------	---

1.6	Objektif Kajian	9
1.7	Hipotesis Kajian	9
1.8	Skop Kajian	10
1.9	Batasan Kajian	10
1.10	Kepentingan Kajian	10
1.11	Kerangka Teori	11
1.12	Definisi Konseptual dan Pengoperasian	13
1.12.1	Program Peningkatan Kemahiran Industri (INSEP)	13
1.12.2	Keberkesanan Program	13
1.12.3	Kualiti Program	13
1.12.4	Reka Bentuk Program	14
1.12.5	Prasarana	14
1.12.6	Pendekatan Aktiviti Pembelajaran	14
1.12.7	Kemahiran Kebolehpkerjaan	15
1.12.8	Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri	15
1.13	Rumusan Bab	16

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Siswazah Menganggur Di Malaysia	19
2.3	Persepsi Industri Terhadap Keterampilan Siswazah	20
2.4	Kemahiran Yang Diperlukan Dalam Dunia Pekerjaan Masa Kini	23
2.5	Program Peningkatan Kemahiran Industri (INSEP)	26
2.6	Objektif Program INSEP	26
2.7	Perlaksanaan Program INSEP	27
2.8	Kualiti Program	28
2.8.1	Reka Bentuk Program	29



2.8.2	Prasarana	30
2.8.3	Prinsip-Prinsip Pembelajaran Dalam Latihan	31
2.8.3.1	Maklum Balas dan Penguuhan	32
2.8.3.2	Perbezaan Individu	32
2.8.3.3	Amalan dan Pengulangan Aktif	32
2.8.3.4	Pembelajaran Menyeluruh Atau Berperingkat	33
2.8.3.5	Persembahan Bermakna	33
2.9	Program Latihan Yang Berkesan	33
2.10	Sorotan Kajian Lepas	34
2.11	Rumusan Bab	38

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	40
3.2	Reka Bentuk Kajian	40
3.3	Tempat Kajian	41
3.4	Populasi dan Sampel	42
3.5	Pengumpulan Data	44
3.5.1	Data Primer	44
3.5.2	Data Sekunder	46
3.6	Instrumen Kajian	46
3.6.1	Soal Selidik	47
3.6.2	Format Borang Soal Selidik	51
3.6.3	Temu Bual	52
3.6.4	Kajian Rintis	54
3.7	Analisis Data	55
3.7.1	Analisis Skor Min	56
3.7.2	Ujian – t Untuk Pengukuran Berulangan	58



3.8	Andaian Kajian	60
3.9	Rumusan Bab	60

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	62
4.2	Latar belakang Responden	63
4.3	Status Semasa Mengenai Kerja Responden	66
4.4	Dapatan Kajian	71
4.4.1	Kualiti Program INSEP Daripada Aspek Reka Bentuk Program, Prasarana dan Pendekatan Aktiviti Pembelajaran	71
4.4.2	Pendekatan Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran Dalam Membantu Meningkatkan Kemahiran Kebolehpkerjaan	78
4.4.3	Peningkatan Kemahiran Kebolehpkerjaan Peserta Program Setelah Menyertai Program INSEP.	81
4.5	Soal Selidik Terbuka	86
4.6	Rumusan Bab	88

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	90
5.2	Perbincangan	90
5.2.1	Latar Belakang dan Status Kerja Responden	91
5.2.2	Kualiti Program INSEP Daripada Aspek Reka Bentuk Program, Prasarana Dan Pendekatan Aktiviti Pembelajaran	92
5.2.3	Pendekatan Aktiviti Pembelajaran	101

	Yang Dilaksanakan Dalam Program INSEP Dalam Membantu Meningkatkan Kemahiran Kebolehpkerjaan Peserta Program.	
5.2.4	Peningkatan Kemahiran Kebolehpkerjaan Peserta Program Setelah Menyertai Program INSEP.	104
5.3	Rumusan	107
5.4	Cadangan	108
5.4.1	Cadangan Kepada Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri	109
5.4.2	Cadangan Kepada Institusi Pengajian Tinggi	109
5.4.3	Cadangan Kajian Selanjutnya	110
5.5	Penutup	111
	RUJUKAN	113
	LAMPIRAN	124



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Jumlah Pengangguran Keseluruhan Di Malaysia Pada Tahun 2005 Mengikut Kelulusan	19
2.2	Peratusan Siswazah Menganggur Tahun 2006 Mengikut Bidang Pengajian	20
2.3	Kebolehpkerjaan Peserta Yang Terhasil Daripada Program INSEP Tahun 2005	36
3.1	Populasi, Sampel dan Responden Kajian	43
3.2	Maklumat Responden Yang Ditemu Bual	44
3.3	Aras Persetujuan dan Skala Skor Yang Digunakan Dalam Kajian (Bahagian C - i)	49
3.4	Aras Persetujuan dan Skala Skor Yang Digunakan Dalam Kajian (Bahagian C - ii : A)	50
3.5	Aras Persetujuan dan Skala Skor Yang Digunakan Dalam Kajian (Bahagian C - ii : B)	50
3.6	Aras Persetujuan dan Skala Skor Yang Digunakan Dalam Kajian (Bahagian D)	50
3.7	Format Borang Soal Selidik	51
3.8	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan (<i>Alpha Cronbach</i>) Untuk Setiap Bahagian Borang Soal Selidik	55
3.9	Kaedah Analisis Data Mengikut Persoalan Kajian	56
3.10	Aras Persetujuan Mengikut Skor Min (Bahagian C - i)	57
3.11	Aras Persetujuan Mengikut Skor Min (Bahagian C - ii : A)	57
3.12	Aras Persetujuan Mengikut Skor Min (Bahagian C - ii : B)	57

3.13	Aras Persetujuan Mengikut Skor Min (Bahagian D)	58
3.14	Analisis Skala Likert Yang Digunakan Dalam Kajian	58
3.15	Aras Keertian Untuk Pengujian Hipotesis	59
4.1	Latar Belakang Responden	63
4.2	Status dan Bidang Pekerjaan Semasa Responden	67
4.3	Taraf Pendidikan dan Jawatan Kerja Responden Sekarang	69
4.4	Gaji Bulanan dan Jawatan Kerja Responden Sekarang	70
4.5	Persepsi Responden Terhadap Item Reka Bentuk Program, Prasarana dan Pendekatan Perlaksanaan Aktiviti Pembelajaran Dalam Program INSEP	72
4.6	Persepsi Responden Terhadap Item Reka Bentuk Program INSEP	73
4.7	Persepsi Responden Terhadap Item Prasarana	75
4.8	Persepsi Responden Terhadap Pendekatan Perlaksanaan Aktiviti Pembelajaran Dalam Program INSEP	76
4.9	Tahap Pendekatan Perlaksanaan Aktiviti Pembelajaran Dalam Membantu Meningkatkan Kemahiran Kebolehpkerjaan	79
4.10	Analisis Ujian-t Kemahiran Yang Dipunyai Responden Sebelum dan Selepas Menyertai Program INSEP	82
4.11	Pendapat Responden Terhadap Aspek-Aspek Yang Perlu Diperbaiki Dalam Program INSEP	87
4.12	Cadangan Untuk Penambahbaikan Program INSEP	87



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Pelaksanaan Program INSEP	12
2.1	Aliran Program INSEP	30
3.1	Sistem Koding Data Temu Bual	53
4.1	Skor Min Kemahiran Yang Dipunyai Responden Sebelum dan Selepas Menyertai Program INSEP	84



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

ILO	-	International Labour Organization
MEF	-	Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia
MTEN	-	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
SLG	-	Skim Latihan Graduan
PSMB	-	Pembangunan Sumber Manusia Berhad
INSEP	-	Industrial Skills Enhancement Programme
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
UiTM	-	Universiti Teknologi Mara
KISMEC	-	Kedah Industrial Skills and Management Development Center
PSDC	-	Penang Skills Development Centre
PESDC	-	Perak Entrepreneur And Skills Development Center
SHRDC	-	Selangor Human Resource Development Center
NSSDC	-	Negeri Sembilan Skills Development Center
MISDC	-	Malacca Industrial Skills Development Center
TESDEC	-	Terengganu Skills Development Center
PUSPATRI	-	Johor Skills Development Center
PPKS	-	Sarawak Skills Development Center
FMM	-	Persekutuan Pengeluar Malaysia
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	124
B	Data Temu Bual	131
C	Keputusan Kajian Rintis (<i>Alpha Cronbach</i>)	140
D	Keputusan Analisis	145
E	Surat Pengesahan Pakar	164



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Cabaran ekonomi serta persaingan pasaran dunia yang semakin meningkat telah memberi kesan yang besar terhadap industri dan masyarakat (Lankard, 1994). Dalam usaha untuk menjadi lebih efisien dan produktif, organisasi dalam industri terpaksa menstrukturkan semula pengurusan, operasi dan proses pengeluaran serta aktiviti yang melibatkan teknologi termasuklah perubahan dalam menerima tenaga pekerja (Lankard, 1994). Hanya tenaga kerja yang mahir serta berpengetahuan sahaja akan diterima untuk bekerja. Majikan akan lebih memilih pekerja untuk menjamin produktiviti tinggi serta disesuaikan dengan perubahan teknologi (Rahmah Ismail, 1997).

Dalam menyediakan tenaga kerja yang mahir serta berpengetahuan, pendidikan memainkan peranan yang penting. Menurut *Association of American Universities* (1998), pendidikan merupakan bidang yang bertanggungjawab menyediakan ahli saintis dan jurutera yang diperlukan oleh industri, kerajaan dan universiti untuk menerajui bidang penyelidikan dan pembangunan negara. Walau bagaimanapun, Schwartz (1996) mengatakan bahawa walaupun pendidikan adalah



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

diperlukan untuk memenuhi keperluan pasaran buruh tetapi ianya tidak mencukupi. Tambahan pula, Zemky (1994) dalam Lankard (1994) mengatakan bahawa "*What I want in a new worker, no high school can supply--a twenty-six-year-old with three previous employers*". Jelas di sini menunjukkan bahawa untuk bersaing dalam pasaran buruh, ia memerlukan lebih daripada elemen pendidikan.

Abd. Rahim (2000) menyatakan, teori pengangguran yang relevan diaplikasikan kepada negara-negara membangun yang sedang rancak mengalami pertumbuhan seperti di Malaysia menjelaskan pada umumnya, pengangguran adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor yang sukar diduga seperti pembangunan ekonomi yang tidak menentu, perancangan pembangunan sumber manusia yang bersifat kontemporari dan jangka pendek, ciri sumber tenaga manusia yang kurang anjal kepada keperluan, kemahiran dan kepakaran yang tidak sesuai dengan permintaan pasaran dan pengkhususan serta kemahiran terbatas yang menyekat mobiliti seseorang dalam dunia pekerjaan.

Oleh itu, pekerja baru haruslah melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan pengetahuan untuk mengelakkan diri mereka daripada menganggur. Apabila seseorang ingin menceburkan diri di dalam dunia pekerjaan, mereka perlulah menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh majikan dengan secukupnya (Cheung dan Lewis, 1998). Ini bermakna, memiliki ijazah atau diploma sahaja belum mencukupi sekiranya mereka tidak mempunyai kemahiran tambahan yang lain seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran mengurus dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (Fong Chan Onn, 2003).

Menurut Omar (1993), jika dibandingkan pada zaman 70an, soal kelulusan universiti dan peluang mendapatkan pekerjaan bukanlah satu permasalahan pendidikan. Selalunya, mereka yang berkelulusan universiti tidak sukar mendapat pekerjaan. Kini keadaan tersebut telah berubah, lebih-lebih lagi dengan wujudnya keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu di mana ia telah memberi impak kepada

peluang pekerjaan menjadi terhad, sama ada dalam sektor awam mahupun sektor swasta.

Dalam masa yang sama, persaingan untuk mendapatkan pekerjaan juga adalah sangat sengit. Ini telah memberi kesan yang amat tinggi terhadap graduan lulusan universiti di seluruh negara, seperti mana wujudnya masalah siswazah menganggur di masa kini.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pengangguran merupakan satu masalah yang hangat diperkatakan pada masa sekarang. Menurut laporan oleh *International Labour Organization* (2004), peningkatan jumlah pengangguran seluruh dunia pada tahun 2003 ialah 185.9 juta berbanding 185.4 juta pada tahun 2002. Ini termasuklah negara-negara di Asia Tenggara seperti Filipina yang mencatat kadar pengangguran yang paling tinggi iaitu sembilan persepuluh tiga (9.3) peratus diikuti dengan Indonesia iaitu enam persepuluh satu (6.1) peratus pada tahun 2003 (*International Labour Organization*, 2004).

Senario ini semakin hangat diperkatakan lagi dengan bertambahnya jumlah siswazah yang menganggur. Menurut Curtis (2002), hanya dua pertiga daripada siswazah lulusan universiti di United Kingdom menggunakan ijazah untuk mendapatkan kerja. Sehubungan dengan itu juga, satu kajian telah dijalankan di United Kingdom terhadap pelajar yang telah enam (6) bulan tamat pengajian di universiti dan kolej pada tahun 2001 hingga 2002, mendapati bahawa bilangan siswazah yang menganggur meningkat dari lima (5) peratus kepada enam (6) peratus (MacLeod, 2003). Menurut MacLeod lagi, berdasarkan kepada tinjauan yang telah dilakukan terhadap dua ratus empat puluh empat ribu (244,000) siswazah di

peringkat ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana di United Kingdom mendapati bahawa dua puluh (20) peratus di antara mereka terpaksa menyambung pelajaran atau mengambil kursus latihan berbanding sembilan belas (19) peratus pada tahun sebelumnya. Manakala nisbah pengambilan kerja di United Kingdom juga berkurang dari enam puluh lapan (68) peratus kepada enam puluh tujuh (67) peratus.

Malaysia juga turut menghadapi masalah yang sama. Berdasarkan kepada laporan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) (2006), kadar pengangguran di Malaysia ialah tiga perpuhuan lima (3.5) peratus pada tahun 2005 begitu juga dengan tahun 2006. Tambahan pula, mengikut kajian yang telah dijalankan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2005 mendapati bahawa seramai lima puluh sembilan ribu dua ratus lima puluh (59,250) orang siswazah yang masih menganggur, bekerja sementara atau pekerjaan mereka tidak setara dengan kelayakan masing-masing. Daripada jumlah itu, didapati bahawa seramai 35,634 orang (60.1 peratus) adalah berkelulusan sarjana muda (Abdul Rahman Sulaiman, 2005).

Weber (2002) berpendapat, pertukaran teknologi dan permintaan terhadap golongan yang berkemahiran tinggi dalam bidang teknologi baru merupakan salah satu penyebab kepada berlakunya pengangguran di negara yang membangun. Manakala Abdul Rahman (2005) pula mengulas, pengangguran berlaku apabila tenaga yang berpotensi tidak dapat disalurkan dan digunakan dengan berkesan dan produktif dalam sesuatu bidang pekerjaan.

Selaras dengan itu, Othman (2005) mengatakan bahawa terdapat tiga (3) kategori pengangguran iaitu pertama pengangguran berputar, berlaku akibat daripada berlakunya kemelesetan ekonomi sesebuah negara. Kedua ialah pengangguran pergeseran berlaku disebabkan oleh berlakunya perpindahan tempat kerja, mencari kerja baru dan pemberhentian kerja bukan disebabkan kemelesetan ekonomi. Ketiganya ialah pengangguran berstruktur yang berlaku bila mana ketidaksesuaian

bidang pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki dan keperluan pasaran. Ini disokong oleh Abd. Rahim (2000) dan Abdul Rahman (2006), mereka bersependapat bahawa antara faktor berlakunya pengangguran ialah kerana wujudnya ketidaksepadanan (*skills mismatch*) antara kemahiran yang diperlukan pasaran buruh dan kemahiran yang dimiliki terutamanya di kalangan siswazah.

Oleh sebab itu, majikan akan lebih berhati-hati menggunakan kriteria ini untuk memilih graduan yang diperlukan. Graduan yang mempunyai kelulusan yang tidak *marketable* akan menghadapi krisis dan terpaksa menganggur dalam tempoh masa yang lebih lama. Pendidikan yang menjadi modal utama siswazah tidak akan dapat memberi apa-apa faedah dan pulangan jika sekiranya para graduan terus menganggur dan tidak dapat menjana pendapatan dan lain-lain faedah yang sepatutnya diperoleh. Konsep *survival* menjadi sangat penting sebagai satu falsafah bagi membolehkan graduan melayakkan diri dan menerokai peluang pekerjaan yang membolehkan mereka berdikari. Pengangguran di kalangan siswazah akan terus berlaku sekiranya golongan siswazah ini tidak berusaha mencari alternatif baru membina kerjaya (Abd. Rahim, 2000).

Salah satu langkah yang diambil di Australia untuk mengatasi masalah siswazah menganggur ialah graduan-graduan yang tidak bekerja akan dicari dan dihantar ke kolej-kolej kemahiran untuk diberi nilai tambah dan hasilnya sembilan puluh (90) peratus graduan itu mendapat pekerjaan (Shafie, 2005).

Malaysia turut mengambil langkah yang sama di mana pihak kerajaan telah melancarkan beberapa program yang menawarkan beberapa kursus kemahiran yang dapat membantu siswazah menganggur mendapatkan pekerjaan. Di antara program yang dianjurkan oleh kerajaan Malaysia ialah seperti program Skim Latihan Graduan (SLG). Program SLG dilaksanakan atas kerjasama penyedia-penyedia latihan yang diluluskan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran para graduan yang masih menganggur, sama ada dari lepasan diploma atau ijazah dalam bidang seperti Teknologi Maklumat dan

Komunikasi, Perakaunan Perniagaan, Pengurusan, Jualan dan Pemasaran serta Bahasa Inggeris bagi membantu graduan menganggur mendapat pekerjaan (Fong Chan Onn, 2003).

Selain dari itu, satu lagi program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia ialah Program Peningkatan Kemahiran Industri atau lebih dikenali sebagai *Industrial Skills Enhancement Programme* (INSEP). Program INSEP merupakan program yang ditaja penuh oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang mana Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) telah terlibat dengan pelaksanaan program tersebut mulai tahun 2005. Berdasarkan kepada kajian *tracer study* yang telah dijalankan, didapati bahawa pelaksanaan program INSEP di KUiTTHO telah menunjukkan keberkesanan yang tinggi serta dapat membantu dalam kebolehpekerjaan siswazah menganggur dengan tujuh puluh tujuh (77) peratus daripada siswazah yang menyertai program mendapat pekerjaan (Wahid Razzaly, Noraini Kaprawi, Jailani Yunus dan Ghazally Spahat, 2006).

Selain daripada di KUiTTHO, program INSEP juga telah dilaksanakan di dua lagi pusat pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM) serta *Open University Malaysia* dan di dua belas (12) buah Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri seluruh Malaysia. Memandangkan program ini banyak dilaksanakan di Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri dan belum ada lagi kajian keberkesanan dijalankan, maka kajian yang dijalankan ini adalah menjurus kepada pelaksanaan program INSEP di Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri. Tambahan pula, pelaksanaan *tracer study* terhadap keberkesanan program INSEP di KUiTTHO telah menunjukkan dapatan yang positif, telah menarik minat pengkaji supaya meneruskan kajian untuk meninjau dan mendapatkan gambaran awal terhadap keberkesanan pelaksanaan program INSEP di Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri di Malaysia dan mengenal pasti sama ada ia mencapai matlamat yang diharapkan atau sebaliknya.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TINDAKAN AMINAH

1.3 Pernyataan Masalah

Perlaksanaan program INSEP di Malaysia telah melibatkan kos yang tinggi dan oleh itu perancangan yang teliti amat diperlukan. Pada tahun 2005, sebanyak empat puluh (40) juta ringgit telah diperuntukkan untuk melaksanakan program INSEP (Mustafa, 2005). Manakala pada tahun 2006, Kementerian Kewangan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak tiga puluh dua (32) juta ringgit untuk pelaksanaan program INSEP di seluruh Malaysia termasuk di Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (Noraini Kaprawi, 2006). Memandangkan pelaksanaan program INSEP melibatkan jumlah wang yang banyak, maka ini telah menarik minat pengkaji untuk mengkaji keberkesanan program INSEP yang dilaksanakan untuk mengenal pasti bahawa program ini benar-benar telah membantu meningkatkan kebolehpkerjaan peserta yang menyertai program. Ini adalah disokong oleh Raduwan Saferwan, Joseph Paul dan Mustafa Mohamad (1988) yang berpendapat keberkesanan latihan dilihat dari segi hasil yang diperolehi dan hasilnya dinilai dari segi wang ringgit.

Oleh itu, pengkaji akan meninjau kualiti program INSEP yang dilaksanakan di Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri dari aspek reka bentuk program, prasarana dan pendekatan aktiviti pembelajaran. Selain dari itu, pengkaji juga menilai sama ada pendekatan aktiviti-aktiviti pembelajaran program INSEP yang dilaksanakan dapat membantu meningkatkan kemahiran kebolehpkerjaan peserta program atau sebaliknya dan seterusnya mengenal pasti peningkatan kemahiran kebolehpkerjaan peserta program setelah menyertai program INSEP.



PTIAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan program INSEP dalam membantu peningkatan kemahiran kebolehpkerjaan peserta program di Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin dijawab dalam kajian ini adalah seperti berikut :

- i) Bagaimanakah kualiti program INSEP dari aspek reka bentuk program, prasarana dan pendekatan aktiviti pembelajaran?
- ii) Sejauh manakah pendekatan aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan dalam program INSEP dapat membantu meningkatkan kemahiran kebolehpkerjaan peserta program?
- iii) Sejauh manakah peningkatan kemahiran kebolehpkerjaan peserta program setelah menyertai program INSEP?



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUNGU TUN AMINAH

1.6 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga (3) objektif utama iaitu :

- i) Meninjau kualiti program INSEP dari aspek reka bentuk program, prasarana dan pendekatan aktiviti pembelajaran.
- ii) Menilai sejauh mana pendekatan aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan dalam program INSEP dapat membantu meningkatkan kemahiran kebolehpekerjaan peserta program.
- iii) Mengenal pasti peningkatan kemahiran kebolehpekerjaan peserta program setelah menyertai program INSEP.

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian yang terhasil daripada persoalan kajian ialah :

i) Hipotesis Nol (H_0)

H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara peningkatan kemahiran kebolehpekerjaan peserta sebelum dan selepas mengikuti program INSEP.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada tinjauan keberkesanan program INSEP yang dilaksanakan dan mengenal pasti sama ada program tersebut dapat membantu dalam peningkatan kemahiran kebolehpkerjaan peserta program dari aspek terdapatnya peningkatan kemahiran teknikal dan kemahiran generik. Tinjauan adalah daripada persepsi graduan INSEP terhadap kualiti program INSEP daripada segi reka bentuk program, prasarana yang disediakan dan pendekatan aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan di Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri.

1.9 Batasan Kajian

Disebabkan oleh kekangan kos dan masa, kajian ini hanya melibatkan program INSEP yang dilaksanakan di dua (2) tempat Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri iaitu di Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (X) yang mewakili zon utara dan Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (Y) mewakili zon selatan. Kumpulan sampel hanya terdiri daripada peserta yang telah tamat mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan di tempat kajian pada tahun 2005.

1.10 Kepentingan Kajian


- i) Sebagai maklumat yang berguna kepada pihak kerajaan dalam menentukan sama ada program ini seharusnya terus dilaksanakan atau tidak.

- ii) Memberi panduan kepada institusi pengajian tinggi di Malaysia tentang aspek yang di perlukan dalam menyediakan kurikulum dan latihan untuk meningkatkan kebolehpkerjaan siswazah.
- iii) Sebagai rujukan yang dapat digunakan dalam pelaksanaan program INSEP untuk mencapai matlamatnya dalam membantu peningkatan kemahiran kebolehpkerjaan peserta program.

1.11 Kerangka Teori

Kerangka teori pelaksanaan program INSEP adalah berdasarkan adaptasi Model *Open systems* Blanchard dan Thacker (2004) dan juga diadaptasi daripada Model Noraini Kaprawi, Jailani Yunos, Wahid Razzaly dan Farawaheeda Rashid (2004) dan sistem program vokasional Finch dan Crunkilton (1992).

Open systems mempunyai hubungan dinamik terhadap pengaruh persekitaran (Blanchard dan Thacker, 2004). Pengaruh persekitaran diambil kira dalam pelaksanaan program (Finch dan Crunkilton, 1992). Dalam pelaksanaan program INSEP, tiga (3) komponen yang terlibat ialah input, proses dan output. Aspirasi kerajaan dan industri adalah di antara faktor luaran pelaksanaan program INSEP yang mempengaruhi input, proses dan output. Input adalah peserta yang mengikuti program INSEP. Proses adalah segala aktiviti yang berlaku dalam pelaksanaan program, merangkumi objektif program, hasil pembelajaran dan kualiti pelaksanaan program. Output ialah keberkesanan program yang menghasilkan peserta yang berketerampilan di mana terdapatnya peningkatan kemahiran kebolehpkerjaan.



Rajah 1.1 : Kerangka Teori Pelaksanaan Program INSEP

(Diadaptasi dan diubahsuai daripada Blanchard dan Thacker (2004),

Noraini *et. al* (2004) serta Finch dan Crunkilton (1992))

1.12 Definisi Konseptual dan Pengoperasian

Berikut dinyatakan beberapa definisi bagi istilah-istilah penting dalam kajian.

1.12.1 Program Peningkatan Kemahiran Industri (INSEP)

Program Peningkatan Kemahiran Industri (INSEP) adalah program tajaan Kementerian Kewangan Malaysia yang dilaksanakan untuk membantu meningkatkan daya saing dan kebolehpkerjaan graduan menganggur. Program ini memberi peluang untuk graduan yang menganggur mendapatkan sebanyak mungkin kemahiran industri serta pengalaman yang dapat menggalakkan pembangunan kerjaya dalam ekonomi berdasarkan pengetahuan (Wahid *et. al*, 2006).

1.12.2 Keberkesanan Program

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), keberkesanan adalah berkaitan berkesannya sesuatu tindakan. Iaitu sesuatu tindakan itu dapat dilihat daripada hasil yang diperoleh sesudahnya. Keberkesanan program dalam konteks kajian ini dapat ditentukan kepada pencapaian objektif yang telah ditentukan pada awal pelaksanaan serta pelatih telah mendapat pengetahuan dan kemahiran yang perlu diketahui dan dikuasai (Jane, 1998).

1.12.3 Kualiti Program

Kualiti ditakrifkan sebagai keakuran kepada sesuatu standard atau keperluan (Crosby, 1984). Manakala kualiti program pula boleh ditakrifkan sebagai kepuasan yang diperoleh oleh klien dan pembekal dalam sesuatu program (Mohd Yusoff Hj.



PTTAUTHM
PEPUSATAKAAH TUNKU TUN AMINAH

Othman, 2000). Dalam kajian ini kualiti program merujuk kepada kepuasan yang diperoleh oleh klien iaitu peserta program terhadap pelaksanaan program INSEP di Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri dari aspek reka bentuk program, prasarana dan pendekatan aktiviti pembelajaran (Noraini *et. al*, 2004).

1.12.4 Reka Bentuk Program

Reka bentuk merupakan pendekatan yang digunakan untuk membina atau membuat sesuatu. Dalam kajian ini, reka bentuk program ialah penyelarasan program latihan yang merangkumi kursus dan sesi pembelajaran (Noe, 2000). Reka bentuk program yang berkesan mesti memenuhi semua fungsi dan matlamat serta mengikut had yang ditetapkan dan memenuhi keperluan pengguna secara langsung atau tidak langsung (Stenseth, 1999).

1.12.5 Prasarana

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), prasarana ditakrifkan sebagai keseluruhan kemudahan dan perkhidmatan asas yang perlu bagi pembangunan dan kemajuan. Dalam konteks kajian ini, prasarana merangkumi aspek seperti bilik kuliah, bengkel, makmal, studio dan dewan yang banyak mempengaruhi keselesaan pelajar (Duke, 1990).

1.12.6 Pendekatan Aktiviti Pembelajaran

Pendekatan ialah kaedah atau langkah-langkah yang diambil untuk memulakan dan melaksanakan tugas (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2002). Pembelajaran pula ditakrifkan sebagai proses belajar untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan menjalani latihan (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2002). Dalam



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

konteks kajian ini, pendekatan aktiviti pembelajaran dimaksudkan sebagai proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan (Ishak, 2006).

1.12.7 Kemahiran Kebolehpekerjaan

Menurut Dunnette dalam Blanchard dan Thacker (2004), kemahiran didefinisikan sebagai kemampuan yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu tugas, yang mana kemahiran ini ditingkatkan melalui latihan dan kemahiran. Kebolehpekerjaan merujuk kepada kualiti yang diperlukan sebagai seorang pekerja serta dapat meningkatkan kemajuan dalam bidang kerja (*Learning and Development Centre*, 2005). Dalam konteks kajian ini, kemahiran kebolehpekerjaan merangkumi kemahiran asas yang diperlukan untuk mendapat tempat dalam bidang pekerjaan serta dapat melaksanakan kerja yang diberikan dengan baik (Robinson, 2000).

1.12.8 Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri

Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri merupakan pusat yang ditubuhkan atas kerjasama pihak Kerajaan Negeri di bawah Unit Perancangan Ekonomi Negeri. Pusat Latihan Kemahiran Negeri merupakan pusat yang menawarkan latihan dan kursus peningkatan kemahiran pelajar lepasan sekolah dan juga tenaga kerja industri. Latihan dan kursus peningkatan kemahiran yang ditawarkan adalah merupakan program teknikal yang selaras dengan keperluan industri masa kini.

Terdapat dua belas (12) Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri yang ditubuhkan di Seluruh Malaysia iaitu Kedah Industrial Skills and Management Development Center (KISMEC), Penang Skills Development Centre (PSDC), Tunas Skills Development Center, Perak Entrepreneur And Skills Development Center (PESDC), Selangor Human Resource Development Center (SHRDC), Negeri

Sembilan Skills Development Center (NSSDC), Malacca Industrial Skills Development Center (MISDC), Pahang Skills Development Center, Terengganu Skills Development Center (TESDEC), Johor Skills Development Center (PUSPATRI) dan Sarawak Skills Development Center (PPKS), Sabah Skills Development Center (U.S And Foreign Commercial Service, 2001).

Di samping memberikan latihan dan kursus peningkatan kemahiran kepada pelajar lepasan sekolah dan juga tenaga kerja dari industri, Pusat Latihan Kemahiran Negeri juga dipilih oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk melaksanakan program peningkatan kemahiran industri (INSEP) kepada siswazah lepasan diploma atau ijazah yang masih menganggur.

1.13 Rumusan Bab

Pengangguran di kalangan siswazah merupakan satu masalah global dan merupakan isu yang hangat diperdebatkan di Malaysia pada masa sekarang. Di antara faktor yang selalu di perkatakan sebagai penyebab berlakunya siswazah menganggur ialah kerana wujudnya ketidaksepadanan (*skills mismatch*) antara kemahiran yang diperlukan pasaran kerja dan kemahiran yang dimiliki oleh siswazah sekarang.

Salah satu langkah yang di ambil oleh kerajaan Malaysia untuk mengatasi masalah ini ialah satu program yang dinamakan Program Peningkatan Kemahiran Industri atau lebih dikenali sebagai *Industrial Skills Enhancement Programme* (INSEP) telah dilaksanakan. Program INSEP ditaja penuh oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang mana Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), Universiti Teknologi Mara (UiTM), *Open University Malaysia* dan dua belas (12) buah Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri seluruh Malaysia terlibat

dalam pelaksanaan program ini. Memandangkan program ini banyak dilaksanakan di Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri dan belum ada lagi kajian keberkesanan dijalankan, maka ini telah menarik minat pengkaji untuk mengkaji keberkesanan program INSEP yang dilaksanakan. Kajian yang dijalankan hanya di hadkan kepada dua (2) buah Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri yang mewakili zon utara dan zon selatan.

Aspek yang akan dikaji ialah dari segi kualiti program INSEP dari aspek reka bentuk program, prasarana dan pendekatan aktiviti pembelajaran. Selain dari itu, pengkaji juga meninjau pendekatan aktiviti-aktiviti pembelajaran INSEP yang dilaksanakan dapat membantu meningkatkan kemahiran kebolehpkerjaan peserta program seterusnya mengenal pasti peningkatan kemahiran kebolehpkerjaan peserta program setelah menyertai program INSEP.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Pengangguran di kalangan graduan adalah satu masalah kepada negara. Pengangguran berlaku apabila tenaga yang berpotensi tidak dapat disalurkan dan digunakan dengan berkesan dan produktif dalam sesuatu bidang pekerjaan (Abd. Rahim, 2000). Menurut Balakrishnan (2002), kini graduan sama ada lulusan dari institusi tempatan atau luar negara sukar mendapat tempat dalam bidang pekerjaan yang sama taraf dengan kelayakan akademik mereka.

Untuk mengawal masalah ini berlarutan, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasinya. Salah satunya ialah kerajaan telah melancarkan beberapa program untuk membantu mengurangkan jumlah siswazah menganggur (Puteri Roslina, 2005). Menurut beliau lagi, program-program yang ditubuhkan adalah untuk menawarkan kursus-kursus yang dapat membantu dalam mempertingkatkan kecekapan dan kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan pasaran kerja pada masa kini.



PTT ALITHM
PERPUSTAKAAN TINGKATAN AMINAH

2.2 Siswazah Menganggur Di Malaysia

Masalah siswazah menganggur adalah kerana bekalan siswazah adalah terlalu besar untuk diserapkan oleh pasaran kerja yang setimpal. Maknanya dalam masyarakat Malaysia, telah berlakunya lambakan siswazah.

Menurut Abdul Rahman (2005), hasil kajian yang telah dijalankan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengetahui jumlah sebenar siswazah yang masih mencari pekerjaan di seluruh Malaysia, mendapati pengangguran keseluruhan di Malaysia pada tahun 2005 mengikut kelulusan ialah :

Jadual 2.1 : Jumlah Pengangguran Keseluruhan Di Malaysia Pada Tahun 2005 Mengikut Kelulusan

Kelulusan	Bilangan	Peratus (%)
Doktor falsafah Phd	1	0.1
Ijazah Sarjana	1,056	1.8
Ijazah Sarjana Muda	35,634	60.1
Diploma	22,421	38
Jumlah	59,112	100

Keputusan kajian yang telah dijalankan oleh MTEN pada tahun 2005 juga turut menunjukkan bahawa seramai 57,072 orang (96.4 peratus) ialah Bumiputera. Didapati bahawa seramai 1,027 orang (1.7 peratus) ialah Cina, 1,007 orang (1.7 peratus) India dan 144 atau 0.2 peratus lagi kaum lain. Manakala peratusan siswazah menganggur mengikut bidang pengajian adalah seperti berikut (Md. Jafar, 2006) :

Jadual 2.2 : Peratusan Siswazah Menganggur Tahun 2006 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Peratus
Business Admin/HR	18.8%
Computer/IT	16.4%
Engineering	12.4%
Arts	12.2%
Pure/Applied Science	7.2%
Accounting	6.5%
Islamic Studies	4.7%
Economics	3.4%
International Relations/Diplomacy/General Administration	2.7%

Ini menunjukkan bahawa persaingan yang tinggi di kalangan siswazah menampakkan pilihan yang jauh lebih luas bagi semua pihak yang memilih pekerja. Majikan mempunyai pilihan yang terlalu banyak untuk memilih pekerja yang berpotensi dari pelbagai bidang pekerjaan. Tetapi bagi pencari pekerjaan pula ini merupakan cabaran dan kekangan yang cukup besar (Othman, 2005).

2.3 Persepsi Industri Terhadap Keterampilan Siswazah

Perubahan dalam sektor ekonomi yang berlaku di Malaysia telah membawa perubahan kepada keperluan tenaga manusia. Tenaga manusia yang diperlukan dalam sektor industri mestilah yang cekap dan profesional, berfikiran terbuka untuk menerima dan mengkaji maklumat dan ilmu serta dapat membuat penyesuaian dengan cepat (Isahak, 1992).

Cheung dan Lewis (1998) pula menekankan bahawa, dalam proses mengambil graduan bekerja, majikan bukan sahaja menumpukan kepada kelayakan akademik yang baik, malahan mereka juga menitikberatkan kepada kualiti yang ada pada setiap graduan. Pernyataan ini disokong oleh kenyataan Campbell dan Secheir (1984), yang menegaskan bahawa para majikan mahukan pekerjaanya mempunyai keupayaan dalam kemahiran asas dan juga kemahiran sosial.

Md. Jafar (2006), pegawai dari Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) membentangkan di antara komen-komen yang diterima dari majikan terhadap siswazah ialah:

- i) Kurang kemahiran : siswazah tidak mempunyai kemahiran dalam pembentangan, tidak dapat berkomunikasi dan mengeluarkan idea berkaitan dengan kerja, lemah dari segi tatabahasa serta matematik dan tidak mempunyai daya kreativiti dan inovatif.
- ii) Wujud jurang kemahiran : kemahiran yang dipunyai siswazah ketinggalan jauh berbanding dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri sekarang. Masalah ini berlaku adalah disebabkan kurikulum pendidikan yang ketinggalan dan tidak selaras dengan keperluan industri sekarang.
- iii) Lemah dalam bahasa Inggeris : siswazah dikatakan lemah untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris secara *verbal*.
- iv) Pengetahuan am yang lemah.
- v) Sifat personaliti : sifat personaliti siswazah yang kurang dari segi disiplin, ketepatan masa, keyakinan, tidak mempunyai kreativiti dan daya berinovatif serta tidak menunjukkan kesanggupan diri untuk memikul sesuatu tanggungjawab.



PTTA
PERPUSATANKAN TINKU TUN AMINAH

Mengikut kajian yang telah dijalankan oleh Persekutuan Pengeluar Malaysia (FMM) mendapati bahawa lima (5) masalah utama yang dihadapi oleh majikan apabila berhadapan dengan siswazah yang baharu menamatkan pengajian ialah kurang latihan industri, kurang kemahiran komunikasi dan penguasaan bahasa Inggeris yang lemah, kurang kemahiran menyelesaikan masalah, suka bertukar kerja dan kurang keyakinan diri (Puteri Roslina, 2005).

Selaras dengan itu, dalam satu kajian yang telah dijalankan oleh Rosmawati (2000) dalam Noor Azizi, Faisol Elham dan Kamrul Bahrain (2001) berkenaan persepsi majikan terhadap kualiti graduan bidang perniagaan mendapati bahawa majikan menekankan kepada lima (5) kemahiran yang penting untuk dikuasai oleh pelajar apabila bekerja iaitu berkemampuan untuk melaksanakan tugas yang diberikan, bekerja secara berpasukan, mempunyai inisiatif diri, celik komputer dan kemahiran *interpersonal*.

Banyak syarikat swasta membuat komen bahawa kelemahan siswazah ialah gagal untuk menguasai bahasa Inggeris sama ada ketika sesi temu duga atau semasa bekerja (Balakrishnan, 2002 dan Farizal, 2005). Farizal (2005) berpendapat, siswazah perlu mempunyai kemahiran berbahasa Inggeris yang melibatkan beberapa kemahiran asas seperti membaca, menulis, mendengar, dan bertutur dengan baik.

Namun begitu, Abdul Latiff (2002) telah menolak tanggapan bahawa sebahagian besar masalah pengangguran di kalangan graduan berpunca daripada ekonomi gawat dan lemah bahasa Inggeris. Beliau berpendapat, faktor kegawatan ekonomi tidak boleh disalahkan, ini adalah kerana Malaysia sudah empat kali mengalaminya sejak pertengahan tahun 80an tetapi Malaysia masih mampu bertahan malah ekonomi berjaya dipulihkan.

Manakala faktor kelemahan bahasa Inggeris tidak boleh dijadikan alasan kerana sebahagian masa siswazah telah diambil (sekolah rendah, menengah dan



PTT ALITHM
PERPUSTAKAAN TINGKATAN AMINAH

universiti) untuk belajar bahasa Inggeris. Abdul Latiff (2002), berpendapat punca utama siswazah menganggur adalah kerana siswazah tidak berdaya saing dan kompetitif serta kurang menyerlah mempamerkan keupayaan berkomunikasi. Rata-rata siswazah menganggur adalah di kalangan mereka yang tidak berani mengutarakan pendapat sehingga menjejaskan keyakinan majikan terhadap mereka.

Dapat disimpulkan bahawa pengetahuan sahaja adalah tidak mencukupi untuk seseorang siswazah melangkah ke dunia pekerjaan. Mereka perlu membekalkan diri dengan pelbagai kemahiran seperti mana yang dituntut oleh industri sekarang. Kebanyakan komen yang dilemparkan oleh majikan telah *memperspsi* bahawa siswazah adalah lemah dari segi kemahiran generik atau *soft skills* seperti kemahiran berkomunikasi dan kemahiran *interpersonal*, sifat kepimpinan, keyakinan diri dan kemahiran berfikir secara kritikal.

2.4 Kemahiran Yang Diperlukan Dalam Dunia Pekerjaan Masa Kini

Pekerja yang mempunyai kemahiran merupakan pekerja yang diperlukan oleh majikan. Menurut Syarifah Akmam (1996), individu yang mahir boleh mendapatkan pekerjaan dengan mudah kerana kemahiran dapat menjamin pekerjaan seseorang dan boleh menentukan perkembangan seseorang dalam pekerjaan. "Menurut Moses (1998), *now organization have expectation of people having a skills that could be quickly learned on the job or acquired in an evening course*".

Abdul Shukor Abdullah (1996) dalam Nurazura Rali (2003), telah menyatakan bahawa terdapat tujuh (7) bidang kompeten yang membolehkan pelajar-pelajar dapat menyesuaikan diri dengan keadaan kerja dan mudah ubah untuk dilatih atau dilatih semula dengan situasi keperluan pasaran kerja dan perkembangan teknologi. Tujuh (7) bidang kompeten yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

- i) Mengumpul, menganalisis dan melaksanakan informasi
- ii) Menggunakan idea dan reformasi
- iii) Merancang dan melaksanakan aktiviti
- iv) Bekerja dalam kumpulan
- v) Menggunakan idea dan teknik matematik
- vi) Penyelesaian masalah
- vii) Menggunakan teknologi

Selain tujuh (7) bidang kompeten yang dinyatakan, kemahiran kebolehpkerjaan juga merupakan kemahiran penting yang diperlukan oleh majikan (Poole dan Zahn, 1993). Gainer (1988) dalam Lankard (1990) telah menyenaraikan kemahiran kebolehpkerjaan dalam empat (4) kumpulan utama iaitu :

- i) **Kompetensi individu** : kemahiran komunikasi, pemahaman dan kemahiran komputer.
- ii) **Kemahiran sendiri** : pengurusan sendiri, beretika dan kecekapan bidang vokasional.
- iii) **Kemahiran penyesuaian ekonomi** : menyelesaikan masalah, pembelajaran sepanjang hayat, kebolehpkerjaan dan pembangunan karier.
- iv) **Kemahiran berkumpulan dan pengorganisasian secara efektif** : kemahiran interpersonal, kemahiran organisasi, kemahiran *negotiation*, kreatif dan kepimpinan.

Holton dan Trott (1996) juga telah menggariskan tujuh (7) kemahiran yang perlu ada bagi setiap individu sekiranya mereka ingin menceburi dunia pekerjaan. Kemahiran-kemahiran tersebut ialah :

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof. (2000). *Pengurusan dan gelagat organisasi di abad ke-21*.
Universiti Utara Malaysia : Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Ab. Rahim Selamat. (1991). Pengurusan latihan : Satu pengenalan. *Jurnal Guru*.
(Mei 1991). 171-181.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2000). *Wawasan pembangunan : Isu dan cabaran*.
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abd. Rahman Rauf & Zakaria Kasa. (1994). *Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur :
Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Abdul Latiff Ahmad. (2002, 11 Disember). Pekerjaan hanya 10 peratus siswazah
menganggur. *Utusan Malaysia*. Diperolehi Oktober 16, 2005, dari :
<http://www.mohr.gov.my/mygoveg/extras/isunovdec02.htm>
- Abdul Rahman bin Abu Bakar. (2005). *Laporan Parlimen Kesebelas : Mengapakah
Malaysia memiliki pekerja asing sedangkan taraf pengangguran meningkat*.
Diperolehi Oktober 10, 2005, dari : [http://www.malaysia-
today.net/parlimen/2005/04/mengapakah-malaysia-memiliki.htm](http://www.malaysia-today.net/parlimen/2005/04/mengapakah-malaysia-memiliki.htm)
- Abdul Rahman bin Bakar. (2006, 5 Februari). Rencana : Lahir pekerja mahir
tangani pengangguran. *Berita Harian* (utara), h. 20.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Abdul Rahman bin Sulaiman. (2005). Meniti Arus: Data lengkap atasi segera pengangguran (11 Oktober 2005). *Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)*. Diperolehi Oktober 3, 2006, dari :
<http://www.neac.gov.my/index.php?Website>

Abdul Rani Abd Manan. (1992). *Sejauh mana program latihan industri yang diikuti pelajar dalam kejuruteraan awam PUO Ipoh bersesuaian dengan pengkhususan berkenaan*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Razak Omar. (1999). *Pengurusan sumber manusia : Konsep dan teknik*. Sabah : Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Association of American Universities (AAU). (1998). *Association of american universities committee on graduate education report und recommendations*. Diperolehi Oktober 6, 2005, dari :
<http://www.aau.edu/reports/GradEdRpt.html>

Balakrishnan Parasuraman. (2002). *Hubungan industri & pengurusan sumber manusia : Isu dan cabaran*. Selangor : Prentice Hall.

Balling, C. (2001). *Creating instant scenarios : A technique for training application*. USA : McGraw-Hill.

Blanchard, P., N., & Thacker, J., W. (2004). *Effective training : Systems, strategies, and practices* (2nd. Ed.). New Jersey : Prentice Hall.

Boyd, S. (2001). *Did they get it? : Twelve interactive activities to access & reinforce learning*. USA : McGraw-Hill.

Campbell, R & Sechier, J. (1984). Adult literacy skills required for training for the workplace. *Columbus National Centre for Research in Vocational Education*. Ohio State University.



PTTAUTHM
 PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Cheung Chi-Kim & Lewis, D. (1998). Employability skills : The demand of the workplace. *The Vocational Aspects of Education* 47 (2). 189-204.

Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan : Asas statistik penyelidikan*. Malaysia : McGraw-Hill.

Crosby, P. (1984). *Quality Without Tears*. McGraw-Hill, New York.

Curtis, P. (2002, 11 November). Graduate unemployment continues to rise. *Guardian Unlimited*. Diperolehi Oktober 8, 2005, dari : <http://money.guardian.co.uk/print/0,3858,4544099-110144,00.html>

Dodridge, M. (1999). *Generic skill requirements for engineers in the 21 st century*. 29th ASEE/IEEE frontiers in education conference. San Juan, Puerto Rico.

Duke, D., L. (1990). *Teaching an introduction*. New york: Mc Graw- Hill inc

Elliott, J. (1999). A model of professionalism and its implications for teacher education. *British education research journal*. 16(1). Hlm 94-103.

Farizal-Razalli. (2005). Rencana Utama : Dilema Siswazah Menganggur. *Dewan Masyarakat*. Selangor : Karangkrif Sdn. Bhd, 11-14.

Finch, C., R., & Crunkilton, J., R. (1992). *Curriculum development in vocational and technical education : Planning, content, and implementation* (4th ed.). Massachusetts : Allyn & Bacon

Fong Chan Onn. (2000). *Ucapan di persidangan kementerian sumber manusia*. Diperolehi Oktober 13, 2005, dari : <http://www.jaring.my/ksm/spm38.htm>

Fong Chan Onn. (2003). *Ucapan di majlis perasmian pelancaran skim latihan graduan II*. Diperolehi Oktober 13, 2005, dari : <http://www.jaring.my/ksm/spm38.htm>



Holton, E.F & Trott, J.W. (1996). Trends towards a closer intergration of vocational education and human resource development. *Journal vocational and technical education*, 2. Diperolehi Oktober 13, 2005, dari : <http://scholar.lib.vt.edu/ejournal/JVER/v12n2>

International Labour Organization (ILO). (2004). *Global employment trends*. Switzerland : ILO Publications.

Isahak Haron. (1992). *Aliran perkembangan pendidikan dan pembentukan Malaysia sebagai negara industri dalam abad ke-21*. Kuala Lumpur : Universiti Putra Malaysia.

Ishak b. Othman. (2006). *Teori, strategi dan perkaedahan dalam pendidikan komputer. Komponen Kursus Asas Teknologi Maklumat*. Diperolehi Oktober 3, 2006, dari : <http://ishakothman.tripod.com>

Ismail Hj Bakar. (2003). Kertas Kerja: Penjuruteraan Semula Pendidikan Teknik dan Vokasional. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (NCTVET) 2003*. Batu Pahat, Johor.

Ismail bin Hj. Bakar, Ayob bin Johari, Maizam bt. Alias & Noraini bt. Kaprawi. (2004). Penjuruteraan semula pendidikan teknik dan vokasional : satu cetusan pemikiran dan tinjauan. *Jurnal pendidikan teknik* 3(1). Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). (2006). *Bahagian pembangunan organisasi*. Diperolehi Ogos 22, 2006, dari : <http://www.interactive.jpa.gov.my/ezskim/>

Jane, H. (1998). *Training evaluation made easy*. UK: Kogan Page.

Johor Skills Development Centre (PUSPATRI). (2005). *Industrial skills enhancement programme (INSEP)*. Diperolehi Februari 2, 2006, dari : <http://www.puspatri.edu.my/PackageDetail.php>



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Kamus Dewan* (edisi ke-3). (2002). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Education in Malaysia : A journey to excellence*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kerlinger, F. N. (1986). *Foundations of behavioral research*. Forth Worth : Holt, Rinehart & Winstons.
- Khoo, C., H. (2004). A study of Quality Assurance Practices in the university Sains Malaysia (USM). *Journal of Distances Education* 5 (1).
- Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). (2005). *Peluang mengikuti latihan peningkatan kemahiran industri khas untuk siswazah (lepasan ijazah & diploma)*. Diperolehi Mac 15, 2006, dari : <http://www.kuittho.edu.my/kuittho/iklan/insep.htm>.
- Kroehnert, G. (1995). *Basic training for trainers* (2nd Ed.). Australia : McGraw-Hill.
- Lankard, B., A. (1990). Employability--The Fifth Basic Skill. *ERIC Digest : ERIC Clearinghouse on Adult Career and Vocational Education Columbus OH*. (104). Diperolehi Mac 12, 2006, dari : <http://www.ericdigests.org/pre-9217/fifth.htm>
- Lankard, B., A. (1994). Employers' expectations of vocational education. *ERIC Digest : ERIC Clearinghouse on Adult Career and Vocational Education Columbus OH*. (149). Diperolehi Oktober 10, 2005, dari : <http://www.ericdigests.org/1995-2/vocational.htm>
- Learning & Development Centre. (2005). *Employability : Background information* Diperolehi Mac 12, 2006, dari : <http://www.lsbu.ac.uk/caxton/index.html>



Leon, D.J. & Borchers, R.E. (1998). High school graduate employment trends and the skills graduates need to enter Texas manufacturing industries. *Journal of vocational and Technical Education*. 15 (1). Diperolehi Oktober 13, 2005, dari : <http://scholar.lib.vt.edu/ejournals/JVTE/v15n1/JVTE6.html>

MacLeod, D. (2003, 23 Februari). Graduate unemployment on the up. *Guardian Unlimited*. Diperolehi Januari 13, 2006, dari : <http://education.guardian.co.uk/print/0,3858,4734534-111406,00.html>

Malaysian Employers Federation (MEF). (2006). Diperolehi Ogos 23, 2006, dari http://www.mef.org.my/public/survey_report

Marohaini Yusoff. (2001). *Pengutipan dan pengumpulan data perlakuan dan proses menulis karangan dalam bilik darjah*. (m.s. 88-89). Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

McBurney, D., H. (1997). *Research methods* (4th ed.). California : Brooks/Cole Publishing Company

Md. Jafar Abdul Carrim. (2006, 28 Julai). Training employable graduates: Innovation in training methodology. *National conference on continuing technical education & training 2006*. Batu Pahat, Johor.

MEF Salary & Fringe Benefits Survey. (2005). *Malaysian Employers Federation (MEF)*. Diperolehi Ogos 23, 2006, dari http://www.mef.org.my/public/survey_report

Mohd Majid Konting. (2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka bentuk tinjauan : Soal selidik pendidikan*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Mohd Yusoff Hj. Othman. (2000). *Menjejak kualiti menjana kecemerlangan*. Cetakan pertama. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 1-21
- Moses, B. (1998). *Career intelligence : The 12 new rules for work and living success*. San Francisco : Berset-Koehler Publisher. Inc.
- Mustafa Mohamed. (2005, 09 April). EPU kumpul maklumat siswazah mahir. *Berita Harian*.
- Najiha. (2005). Industrial Skills Enhancement Program. *Selangor human resources development center*. Diperolehi Januari 25, 2006, dari : http://www.shrde.org.my/Event_frm.asp.
- Nik Hadi B. Nik Zulkarnain. (1999). *Aktiviti pelajar menjalani latihan industri*. Diperolehi Mac 12, 2006, dari : <http://www.ipsnews.net/africa>
- Noe, R. A. (2000). *Employee training & development*. Singapore : McGraw-Hill
- Noor Azizi, Faisal Elham & Kamrul Bahrain. (2001). The importance of non-technical skills in accounting graduates. *Akauntan Nasional*.
- Noraini Kaprawi, Jailani Yunos, Wahid Razzaly & Farawaheeda Rashid. (2004, 13-16 Julai). Quality assurance for continuing engineering education : The Tun Hussein Onn University College of Technology Model. *Vocational Education Training Research Conference (NCVER)*. Tweed Heads, New South Wales : Australia.
- Noraini Kaprawi. (2006). *Dokumen rasmi kementerian kewangan Malaysia*. (Tidak diterbitkan).
- Nurazura Rali. (2003). *Hubungan pelaksanaan kurikulum dengan kompetensi graduan kejuruteraan awam lepasan KUiTTHO*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.

PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH



Nurul Najwa Md Yusof. (2004). *Model awal jaminan kualiti pendidikan berterusan teknikal di KUiTTHO*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.

Omar Mohd. Hashim. (1993). *Pendidikan : Persoalan, penyelesaian dan harapan*. (m.s. 82-87). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman Chin. (2005). *Jadi usahawan untuk atasi penganggur*. Diperolehi Oktober 10, 2005, dari : <http://regenmeja.blogdrive.com>

Parry, S., B. (1997). *Evaluating the impact of training*. USA : American Society for Training & Development (ASTD).

Penang Skills Development Centre (PSDC). (2005). *Industrial skills enhancement programme (INSEP)*. Diperolehi Januari 23, 2006, dari : <http://www.psd.com.my/article>.

Perak Entrepreneur & Skills Development Centre (PESDC). (2005). *Industrial skills enhancement programme (INSEP)*. Diperolehi Februari 3, 2006, dari : <http://www.pesdc.com.my/article>.

Poole, V., A., & Zahn, D., K. (1993). Define and teach employability skills to guarantee student success. *Clearing House*. Diperolehi Mac 13, 2006, dari : <http://www.bsu.edu/classes/wayda/PEP601/lectures/article2.html>

Puteri Roslina Abdul Wahid. (2005, Julai). Rencana Utama : Mengapakah Siswazah Menganggur. *Dewan Masyarakat*. Selangor : Karangraf Sdn. Bhd, 15-18.

Race, P. (2001). *2000 Tips for trainers & staff developers*. United Kingdom : Kogan Page.

Raduwan Safperwan, Joseph Paul & Mustafa Mohamad. (1988). *KKM : Latihan untuk jurulatih*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Rahmah Ismail. (1997). Perancangan tenaga manusia dalam dekad 1990-an. *Pembangunan sumber manusia di Malaysia*. (m.s 166-181). Kuala Lumpur : Ampang Press Sdn. Bhd.
- Robinson, J. P. (2000). What are employability skills?. *Alabama cooperative extension system*. 1(3).
- Rossi, V. (1998). *Technical training : There's no substitute for a well trained individual*. United Kingdom : Kogan Page.
- Rozhan Othman. (1997). *Pengurusan personel dan perancangan guna tenaga*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabri Said. (2005, 01 Oktober). Kerjaya: Siswazah perlu belajar berdikari. *Berita Harian*.
- Schwartz, S. (1996). Evaluating the effectiveness of employment-related programs and services for youth. *Human Resources Development Canada*. Diperolehi Oktober 7, 2005, dari : <http://www11.hrdc-drhc.gc.ca/pls/edd/EERP.lhtml>
- Shafie Mohd. Salleh. (2005, 23 Mac). 80,000 graduan dilatih : Skim Latihan Siswazah Menganggur diwujudkan semula. *Utusan Malaysia*.
- Stenseth, B. (1999). A Method for Program Design. *User Centered Program Design* Diperolehi Oktober 2, 2006, dari : <http://www.hiof.no/index.php?ID=751>
- Suseela Malakolunthu. (2001). Pengumpulan & analisis data kualitatif : Satu imbasan : dalam Mahoraini Yusof . (2001). *Penyelidikan kualitatif pengalaman kerja lapangan kajian*. (ms. 139). Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Syarifah Akmam Syed Zakaria. (1996). *Vision and mission company performance*. Kuala Lumpur.



- Tome, E. (2001). The evaluation of vocational training : A comparative analysis
Journal of Europe Industrial, 31(1). MCB University.
- Uma Sekaran. (2003). *Research methods for business : A skill building approach*
(4th ed.). New York : John Wiley & Sons, Inc.
- U.S & Foreign Commercial Service. (2001). *Malaysia-services : Vocational
education and skill training sectors* United States : U.S & Foreign
Commercial Service
- Velde, C. (1994). Training the trainer in Australia's adult and community education
sector. *Journal education and training*, 36 (1). Australia : MCB University.
- Wahid Razzaly, Noraini Kaprawi, Jailani Md Yunus & Ghazally Spahat. (2006).
*Laporan pelaksanaan program pengukuhan kemahiran industri siswazah
(INSEP) untuk tahun 2005*. Batu Pahat : KUIITHO.
- Walonick, D. S. (2006). *Everything you wanted to know about questionnaires but
were afraid to ask*. Bloomington : StatPac Inc.
- Weber, B., A. (2002). The link between unemployment and returns to education:
evidence from 14 European countries. *EmeraldFulltext : Education-
Training*, 44 (4/5), 171-178.
- Wiersma, W. (1995). *Research methods in education : An introduction* (6th ed)
Massachusetts : Allyn and Bacon.
- Zafir Mohd Makhtibul & Fazilah Mohamad Itasun. (2003). *Mengurus latihan &
kerjaya ke arah peningkatan kesetiaan pekerja*. Kuala Lumpur : Leeds
Publication.
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie. (1993). Kemahiran keusahawanan dalam pendidikan
vokasional : Satu jaminan kerjaya. *Jurnal pendidikan kementerian
pendidikan Malaysia*, 37 (78), 30-39.



Zukarnain Zakaria & Hishamuddin Md. Som. (2001). *Analisis data menggunakan SPSS WINDOWS*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH